

## **PEMAHAMAN IBU BAPA TERHADAP MASALAH DISLEKSIA : JELI, KELANTAN**

Tg. Iffah Binti Tuan Yazid,  
See Soo Yin  
*Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia*  
iffah@umk.edu.my

### **Abstract**

Disleksia bukanlah satu penyakit yang bersifat patologi. Ia merupakan gangguan dalaman yang berlaku dalam diri kanak-kanak yang menghalang perkembangan bahasa daripada berlaku. Masalah disleksia dalam bidang pendidikan sudah banyak dibincangkan oleh para penyelidik sebelum ini. Rata-rata yang terlibat adalah dari kalangan para guru sekolah aliran biasa mahupun berpendidikan khas. Namun kajian berkenaan ibu bapa tentang disleksia masih kurang dalam konteks negara Malaysia. Di Barat, ia sudahpun dikaji oleh sebilangan penyelidik. Hakikatnya, ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak disleksia kerana kanak-kanak lebih banyak menghabiskan masa di rumah berbanding di sekolah. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengukur tahap pemahaman ibu bapa terhadap masalah disleksia. Kajian ini dijalankan di daerah Jeli, Kelantan dan berbentuk kuantitatif. Soal selidik dijalankan ke atas 24 orang responden yang terdiri daripada para ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan terdapat sesetengah ibu bapa di kawasan luar bandar faham tentang ciri-ciri disleksia secara umum. Namun dari segi punca dan rawatan, mereka tidak memahami sebab berlakunya gejala sebegini. Oleh itu pihak berwajib seperti badan kerajaan dan NGO perlu berganding bahu dalam menyelesaikan masalah ini. Mereka boleh meningkatkan pemahaman berkenaan disleksia melalui penubuhan bengkel-bengkel, seminar dan pameran.

Dyslexia is not a disease that is pathological. It is an internal disorder that occurs in childhood which prevent the language development from happen. Dyslexia in the field of education has been much discussed by researchers before. Most of them involved among the teachers of mainstream schools or special education. However the study of parents about dyslexia are still less in the Malaysian context. In the West, it has already been studied by many researchers. In fact, parents play an important role in educating dyslexic children because children spend more time at home than at school. Therefore, this study aims to measure the level of understanding of the parents to the problem of dyslexia. The study was conducted in Jeli, Kelantan and quantitative. The questionnaire was conducted on 24 respondents from the parents. The results showed there were some parents in rural areas understand the characteristics of dyslexia in general. But in terms of causes and treatment, they do not understand the cause of these symptoms. Therefore authorities such as government bodies and NGOs must work together to solve this problem. They can improve the understanding of dyslexia through the establishment of workshops, seminars and exhibitions.

**Kata Kunci:** Disleksia, ibu bapa, pemahaman

## **PENDAHULUAN**

Disleksia merupakan gangguan yang berlaku ketika proses pembelajaran berlangsung yang rata-ratanya dialami oleh kanak-kanak. Mengikut Online Medical Dictionary, disleksia boleh ditakrifkan sebagai “A cognitive disorder characterized by an impaired ability to comprehend written and printed words or phrases despite intact vision. This condition may be developmental or acquired” (<http://www.online-medical-dictionary.org/definitions-d/dyslexia.html>, 22 September 2015). Ia juga boleh ditakrifkan sebagai kesukaran yang dihadapi oleh seseorang dalam membaca dan menulis (Kamus Oxford, 2009). Disleksia merupakan masalah yang sering dikenal pasti di semua peringkat pendidikan dan mempunyai peratusan bilangan yang agak signifikan daripada populasi pelajar (L. Liliana, C. Dora & G. Eleni, 2011). Sumber dari statistik menyatakan empat peratus dari populasi dunia memiliki simptom-simptom disleksia (Rohaty & Shafie, 2005). Manakala sumber daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pula menganggarkan berdasarkan perangkaan 2001, seramai 290,000 murid sekolah dari jumlah populasi murid seramai 4.9 juta berkemungkinan memiliki ciri-ciri Masalah Pembelajaran Spesifik (SPLD) iaitu Disleksia. Walau bagaimanapun, angka ini meningkat lagi kepada 600,000 orang (3:30) terutama kanak-kanak mengalami disleksia di Malaysia sejak akhir-akhir ini (Sinar Harian, 2015).

Masalah pembelajaran kanak-kanak disleksia seringkali disalah erti oleh masyarakat di luar sana khususnya para ibu bapa yang tinggal di kawasan luar bandar. Mereka dilihat seolah-olah pasrah dengan takdir bahawa anak mereka dilahirkan sebagai manusia yang tidak cerdas dan sering menyusahkan orang di sekitarnya. Lebih menyedihkan lagi apabila ada dikalangan masyarakat mengatakan bahawa perbuatan sihir atau musibah yang diperturunkan kepada seseorang sehingga mendapat anak yang lembam otaknya juga dijadikan sebagai salah satu faktor berlakunya disleksia (Zaliza, Mahfuzah & Ahmad, 2014). Sebagai ibu bapa prihatin, mereka seharusnya memberi semangat dan dorongan kepada anak-anak disleksia supaya anak-anak ini dapat meneruskan kelangsungan hidup mereka seperti orang lain. Ibu bapa boleh menghantar anak-anak disleksia ke sekolah berpendidikan khas agar pembelajaran mereka bergerak searas dengan kanak-kanak biasa dan proses menguasai 3M tidak terbantut. Sebenarnya, kanak-kanak yang menghadapi masalah ini mempunyai tahap kecerdasan yang normal dan tidak mempunyai masalah pendengaran serta penglihatan. Mereka juga tidak tergolong dalam kategori lembab dan bodoh. Hakikatnya, masalah sebegini dapat diatasi sekiranya para ibu bapa dan guru dapat mengenal pasti gangguan ini seterusnya memainkan peranan dalam mendorong kanak-kanak disleksia.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Seperti diketahui umum, masalah disleksia dalam bidang pendidikan sudah banyak dibincangkan oleh para penyelidik terdahulu. Rata-rata yang terlibat adalah dari kalangan para guru sekolah aliran biasa mahupun berpendidikan khas. Pada peringkat awal kewujudannya, mungkin masih ramai di kalangan para guru atau pendidik yang tidak mengetahui tentang disleksia. Mengikut Zaliza, Mahfuzah dan Ahmad (2014), kesedaran masyarakat mengenai sindrom disleksia tidak begitu tinggi berikutan kurangnya pengetahuan mengenai sindrom ini. Sekiranya seorang kanak-kanak didapati masih tidak dapat menguasai kemahiran 3M pada usia tujuh tahun, mereka dianggap malas. Ini kerana penghidap disleksia tidak dapat dikesan ketika berkomunikasi mahupun perbezaan dari segi bentuk fizikal. Mereka bertutur sama dengan orang normal. Tidak seperti penyakit gagap yang dikategorikan sebagai penyakit patologi, penghidapnya akan mudah dikesan kerana ia memberi kesan dari segi pertuturan. Walaubagaimanapun, disleksia mula diberi perhatian di Malaysia setelah kerajaan Malaysia menggubal semula Akta Pendidikan 1961 kepada Akta Pendidikan 1996. Ia menyediakan klausa khusus berkaitan pendidikan Khas yang menyatakan hak kesamarataan dalam mendapat pendidikan di institusi (Rohaty & Shafie, 2005).

Walaupun banyak kajian berkenaan disleksia yang rata-ratanya memfokuskan kepada golongan guru dan penghidap disleksia itu sendiri, namun kajian berkenaan ibu bapa tentang disleksia masih kurang dalam konteks negara Malaysia. Di Barat, ia sudahpun dikaji oleh sebilangan penyelidik. Hakikatnya, ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak disleksia kerana kanak-kanak lebih banyak menghabiskan masa di rumah berbanding di sekolah. Sebelum terjun ke bidang yang lebih dalam, garis panduan asas perlulah ada di kalangan para ibu bapa. Pemahaman ibu bapa terhadap disleksia mestilah terlebih dahulu diberi perhatian. Soeisniwati (2012) menyatakan ibu bapa sering menganggap anak-anak usia sekolah yang belum boleh membaca dan menulis merupakan ukuran ketidakmampuan. Anak yang sudah bersekolah tetapi belum lancar membaca dianggap bodoh. Disebabkan itulah ia telah menarik minat penyelidik untuk melihat sejauhmana pemahaman ibu bapa terhadap penyakit ini yang kian menular di kalangan kanak-kanak.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap pemahaman ibu bapa terhadap disleksia. Secara khususnya kajian ini akan menyiasat perkara-perkara berikut

iaitu : 1) Maklumat demografi responden seperti tahap pendidikan ibu bapa dan tahap pendapatan isi rumah, dan lain-lain lagi, 2) Kefahaman umum mengenai istilah disleksia dan ciri-ciri anak-anak disleksia, 3) Kefahaman tentang punca terjadinya disleksia dan kesannya terhadap pertuturan, serta 4) Rawatan terhadap penghidap disleksia.

## **KAJIAN LITERATUR**

Berdasarkan Hammond dan Hughes (1993) dipetik oleh Zaliza, Mahfuzah dan Ahmad (2014), perkataan “disleksia” diperkenalkan pada tahun 1887 oleh Professor Rudolf Berlin iaitu seorang pakar perubatan dan ophtalmotologist. Disleksia berasal daripada perkataan Yunani Kuno (Greek Kuno) yang terdiri daripada dua perkataan iaitu “dys” yang bermaksud *susah* atau *sulit dalam..* dan “lexis” bermaksud *perkataan*, yang merujuk kepada masalah atau kesukaran di kalangan kanak-kanak atau orang dewasa dalam membaca dan menulis (Schneider & Crombie, 2003). Pada tahun 1979, makna ‘dyslexia’ diperluaskan lagi kepada kecelaruan berbahasa iaitu kegagalan menguasai kemahiran membaca, menulis atau mengeja di peringkat intelektual mereka walaupun telah mengikuti pembelajaran dalam kelas biasa sebelumnya (Newton, Thomson & Richards, 1979: 3). Mengikut Mercer (1997) dan Smith (1999), disleksia ialah individu yang mengalami kesukaran atau ketidakupayaan menguasai kemahiran membaca walaupun telah menerima pendidikan yang mencukupi. Menurut Persatuan Disleksia Antarabangsa (International Dyslexia Association), disleksia merujuk kepada aspek kesukaran membaca. Namun demikian, ramai yang tidak menyedari bahawa golongan ini sebenarnya mempunyai keistimewaan dari segi bakat, kepintaran dan kecerdasan terhadap perkara lain. Ini disebabkan otak setiap individu dalam usaha memproses maklumat berbeza terutamanya berkenaan bunyi, simbol dan makna. Ini disokong oleh kenyataan daripada Sandiyao Sebastian (1993) yang mana kira-kira 3-5% daripada kanak-kanak yang bersekolah menghadapi masalah disleksia dikategorikan mempunyai kepintaran yang normal iaitu mereka hanya mempunyai kesukaran sama ada dari segi membaca, menulis atau mempelajari bahasa-bahasa lain, membuat kira-kira atau mengingat sesuatu secara keseluruhan dan hanya mengingat sebahagian sahaja (Zaliza, Mahfuzah & Ahmad, 2014).

Terdapat banyak ciri kanak-kanak bermasalah pembelajaran (disleksia). Antara ciri-ciri yang mungkin dapat menolong pakar-pakar diagnostik dan guru-guru serta ibu bapa dalam mengenalpasti dan mengajar kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran seperti mempunyai

daya ingatan yang rendah, lambat membaca, sering mengurung atau menambah huruf konsonan atau vokal ketika membaca, kekeliruan pada sesuatu huruf dan angka yang mirip contohnya 'b' dianggap 'd', 's' dianggap '5', 'a' dianggap '4', kesulitan menulis contohnya 'Rosa' ditulis 'Ro5a', kesulitan memilih kata yang tepat untuk sampaikan maksud yang ingin diucapkan, keliru dalam menentukan aras dan waktu seperti 'atas' disebut 'bawah', 'sekarang' disebut 'kelmarin', sering melakukan kesalahan dalam ejaan seperti perkataan 'gajah' menjadi 'gagah' 'ibu' menjadi 'ubi'. Selain itu, kanak-kanak disleksia juga mempunyai perhatian yang singkat atau kurang tumpuan terhadap sesuatu untuk menghabiskan sesuatu kerja sehingga siap, ragu-ragu serta mudah kecewa disebabkan pengalaman kegagalan yang berulang-ulang. Mengikut Drake (1989), masalah disleksia merujuk kepada beberapa ciri-ciri, antaranya kesukaran belajar berbahasa, ketidakseimbangan dan kebolehan intelektual, tidak lancar membaca sesuatu bahan bercetak, tidak dapat menulis dengan lancar dan tepat (sukar meniru tulisan dari papan hitam atau buku), mata menjadi penat setelah beberapa minit memfokus pada tulisan dan mempunyai tumpuan yang terhad (pendengaran dan pengamatan visual). Terdapat kajian mengatakan bahawa kanak-kanak disleksia cerdas dalam matematik. Jika diperhatikan struktur bahagian otak, hemisfera kanan melibatkan aktiviti seperti mengira, kreativiti dan bersifat seni. Oleh itu, orang disleksia lazimnya menggunakan otak kanan yang mana cara belajar dan berfikir adalah berlainan serta mereka juga dikatakan mahir dalam matematik. Tidak hairanlah banyak individu disleksia telah berjaya mencipta nama dalam sejarah dunia seperti Albert Einstein, Henry Ford, Walt Disney dan Leonardo Da Vinci (Liyana, Nurul Fatimah & Khuzaiton, 2013).

Menurut Mercer, 1997; Hammond & Hughes, 1996; Spaafford dan Grosser, 1996, antara punca-punca disleksia ialah faktor keturunan atau genetik, biologi dan tahap kematangan. Disleksia mungkin boleh diwarisi kerana kebanyakan kes yang berlaku berpunca daripada ahli keluarga yang mengalami masalah yang sama. Yang membezakannya hanyalah darjah keterukannya sahaja. Terdapat 50 peratus atau lebih kanak-kanak disleksia mewarisi masalah tersebut daripada kedua ibu bapa yang mempunyai masalah yang sama ketika kecil. Dari segi biologi pula, kelahiran kanak-kanak pramatang, kekurangan oksigen semasa dilahirkan atau kelahiran yang amat sukar antara punca berlakunya kelambatan atau ketidaksempurnaan perkembangan seterusnya menyebabkan berlakunya kerosakan minimum pada otak kanak-kanak terbahit. Dari segi faktor kematangan pula, terdapat kanak-kanak yang lambat perkembangannya pada bahagian tertentu dalam sistem saraf. Kebiasaanya disleksia lebih ramai dihadapi oleh kanak-kanak lelaki berbanding perempuan dengan nisbah 3 : 1 atau 2:1

(Hallgren, 1970). Ini disebabkan kanak-kanak lelaki memiliki perkembangan saraf yang agak lambat berbanding kanak-kanak perempuan dan ini mungkin menjadi salah satu punca utama.

## **METODOLOGI**

Pendekatan kajian ini berbentuk kuantitatif. Kaedah soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Soal selidik dibina berdasarkan Teori Kognitif (Cognitive Theory). Teori ini menggunakan pendekatan psikologi yang mana ia menerangkan tentang tingkah laku manusia melalui proses pemikiran atau pemahaman. Pemikir kognitif yang utama adalah Jean Piaget (1896) (<http://psychology.about.com/od/profileofmajorthinkers/p/piaget.htm>, 22 September 2015). Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian yang diadaptasi berdasarkan contoh daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (2013) ([https://www.google.com/?gws\\_rd=ssl#q=+SOAL+SELIDIK++PENGETAHUAN+DAN+HUBUNGANNYA+DENGAN+SIKAP+GURU+PRASEKOLAH+MENGENAI+DISLEKSIA+DI+JOHOR](https://www.google.com/?gws_rd=ssl#q=+SOAL+SELIDIK++PENGETAHUAN+DAN+HUBUNGANNYA+DENGAN+SIKAP+GURU+PRASEKOLAH+MENGENAI+DISLEKSIA+DI+JOHOR), 22 September 2015). Penyelidik juga menggunakan skala markah 3 Likert Skill bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan dipercayai. Kesemua data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Memandangkan penyelidik memilih kawasan kajian yang mudah dan senang untuk diakses iaitu di kawasan yang berdekatan dengan tempat kerja penyelidik, maka kajian ini akan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Dari segi saiz sampel, seramai 24 orang telah dipilih sebagai responden. Majoriti responden adalah mereka yang tinggal di kawasan luar bandar (daerah Jeli). Memandangkan tujuan kajian untuk melihat tahap pemahaman ibu bapa terhadap disleksia, maka responden terdiri dari kalangan ibu bapa yang mempunyai anak-anak sekurang-kurangnya berumur tiga tahun ke atas yang mana mereka dianggap sudah mampu untuk mengucapkan beberapa patah suku kata pendek dan ringkas seperti 'mama', 'papa', 'adik'.

## **HASIL KAJIAN**

### Profil Demografi

Kajian ini meliputi responden seramai 24 orang. Daripada jumlah responden, 14 orang (58.3%) ialah perempuan (ibu) manakala 10 orang (41.7%) ialah lelaki (bapa). Hasil kajian mendapati 17 orang pernah mendengar perkataan disleksia dan tahu apa yang dimaksudkan dengan disleksia secara umum. Jumlah ini agak mengejutkan penyelidik kerana berdasarkan

perbualan ringkas, mereka menyatakan pernah mendengarnya melalui surat khabar, televisyen dan kawan-kawan. Hal ini menunjukkan ibu bapa di kawasan luar bandar tidak ketinggalan dalam mengikuti isu-isu dan permasalahan semasa yang berlaku di sekeliling mereka.

### Kefahaman Umum Mengenai Istilah dan Ciri-Ciri Disleksia

Seramai 21 orang daripada jumlah keseluruhan mengatakan bahawa kanak-kanak disleksia prasekolah lebih seronok mendengar cerita daripada membaca dan individu disleksia yang berjaya dipulihkan dari awal boleh berjaya dalam kerjaya dewasa. Majoriti responden juga bersetuju bahawa kanak-kanak disleksia sepatutnya diletakkan di bawah kategori pelajar pendidikan khas dan kebiasaannya kanak-kanak disleksia prasekolah sukar untuk menamakan objek dengan pantas. Manakala seramai 15 orang pula menyatakan tidak pasti berkenaan masalah kabur ketika membaca merupakan antara masalah yang sering dialami oleh kanak-kanak disleksia. Mereka juga tidak pasti bahawa masalah disleksia juga boleh diwarisi oleh faktor keturunan.

### Kefahaman Tentang Punca dan Kesan Disleksia

Seramai 20 orang daripada jumlah keseluruhan mengatakan setuju dan tidak pasti tentang faktor luaran seperti kelahiran pramatang, kekurangan oksigen semasa lahir dan komplikasi kelahiran juga merupakan punca disleksia. Manakala masing-masing 9 orang mempunyai dua pemahaman dan pendapat yang berbeza yang mana mereka mengatakan setuju dan tidak setuju bahawa salah satu punca masalah disleksia adalah disebabkan faktor persekitaran.

Dari segi kesan pula seramai 13 orang berpendapat bahawa masalah disleksia lazimnya memberi kesan kepada pertuturan seseorang individu.

### Kefahaman Tentang Rawatan Terhadap Penghidap Disleksia

Seramai 14 orang mengatakan tidak pasti bahawa masalah disleksia boleh dikawal dengan pengambilan ubat secara konsisten dan seramai 10 orang juga mengatakan tidak pasti bahawa dengan mengambil makanan seimbang mungkin boleh mengawal masalah disleksia daripada terus merebak. Walau bagaimanapun seramai 20 orang berpendapat bahawa kaedah pengajaran multisensori dapat membantu individu disleksia untuk belajar dan berjaya dalam pelajarannya.

## **PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan maklumat yang didapati jelas menunjukkan bahawa ibu bapa yang tinggal di kawasan luar bandar juga sedikit sebanyak peka terhadap masalah-masalah umum yang sering berlaku di kalangan kanak-kanak disleksia seperti kanak-kanak disleksia mungkin menjadi lebih seronok sekiranya proses pembelajaran mereka diselitkan dengan cerita yang menarik. Ini boleh membantu meningkatkan kemahiran belajar kerana kanak-kanak yang tergolong dalam masalah pembelajaran spesifik tidak mampu untuk memberi perhatian jangka panjang terhadap sesuatu perkara. Ini disebabkan daya ingatan mereka agak lemah jika dibandingkan dengan kanak-kanak lain. Oleh itu selingan dari cerita pendek dan menarik semasa proses mempelajari sesuatu perkara mungkin boleh mengubah minat mereka dan menjadi lebih bersemangat. Responden juga percaya bahawa sekiranya rawatan diberikan dari awal (dengan meletakkan mereka dalam kelas pemulihan), masalah disleksia dapat dipulihkan dan mereka mampu berjaya dalam kerjaya apabila meningkat dewasa. Walaubagaimanapun, responden tidak mempunyai kepastian berkenaan faktor keturunan boleh menyumbang kepada gejala disleksia. Hakikatnya, faktor keturunan juga sedikit sebanyak menjadi faktor penyumbang. Hal ini dibuktikan oleh Hallgren (1970) yang menjalankan eksperimen ke atas beberapa kes pasangan kembar dan mendapati kesemua keluarga kembar tersebut menghadapi masalah dalam membaca dan mengeja ketika zaman kanak-kanak.

Selain itu, 10 orang responden mengatakan tidak pasti bahawa punca sebenar kepada masalah disleksia ialah kelahiran pramatang, kekurangan oksigen semasa lahir dan komplikasi kelahiran. Ini menunjukkan sebahagian ibu bapa di luar bandar masih kurang pengetahuan akan punca sebenar disleksia. Hal ini agak membimbangkan kerana pengetahuan ke atas pencegahan sesuatu masalah adalah penting bagi menjamin kelangsungan dan kesempurnaan hidup generasi akan datang. Masalah disleksia boleh dirawat sekiranya ibu bapa mengambil langkah proaktif. Manakala bagi faktor persekitaran pula, masing-masing mempunyai pemahaman yang berbeza dengan kadar nisbah 9:9 (setuju dan tidak setuju). Berdasarkan pengalaman penyelidik, faktor persekitaran mungkin bukan penyumbang kepada masalah disleksia. Hal ini kerana disleksia adalah berkait rapat dengan kerosakan atau kecederaan pada bahagian saraf otak yang tertentu. Oleh itu, faktor persekitaran boleh dikatakan bukan penyumbang besar kepada masalah disleksia. Seramai 13 orang responden pula bersetuju bahawa masalah disleksia boleh memberi kesan kepada pertuturan pesakit disleksia. Hal ini tidak benar kerana ia langsung tidak memberi kesan kepada pertuturan harian. Penghidap



dislekia hanya mempunyai masalah dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengeja sahaja. Dari segi pertuturan, mereka bertutur seperti orang normal. Oleh sebab itu, agak sukar untuk mengetahui sama ada seseorang kanak-kanak itu menghidap disleksia atau tidak tanpa ujian khusus.

Dari segi rawatan, majoriti mengatakan tidak pasti bahawa masalah disleksia boleh dikawal dengan pengambilan ubat secara konsisten serta pengambilan makanan seimbang. Penghidap disleksia sebenarnya tidak memerlukan ubatan bagi merawat penyakit mereka. Mereka hanya memerlukan tumpuan dan latihan yang lebih ke atas kemahiran membaca dan menulis. Disebabkan ibu bapa di luar bandar kurang terdedah sama ada secara langsung dan tidak langsung, mereka menganggap hanya ubatan mampu mengawal masalah ini. Hal ini sama sekali tidak betul. Hal ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak kerana kejayaan dan kemajuan sesebuah negara bergantung kepada anak-anak kerana merekalah yang bakal memimpin negara suatu masa nanti. Dari segi kaedah pengajaran pula, seramai 20 orang berpendapat bahawa kaedah pengajaran multisensori dapat membantu individu disleksia untuk belajar dan berjaya dalam pelajarannya. Ini menunjukkan para ibu bapa yang tinggal di luar bandar peka terhadap keperluan kanak-kanak disleksia. Dengan bantuan kaedah multisensori, ia membantu meningkatkan kemahiran pembelajaran dan mereka boleh membaca dan mengenal lebih cepat berbanding kaedah pengajaran tradisional.

## **KESIMPULAN**

Secara asasnya, ibu bapa di luar bandar faham akan keperluan kanak-kanak disleksia. Namun, pemahaman dari segi punca dan rawatan masih kurang. Disleksia bukanlah sejenis penyakit bersifat patologi tetapi ia hanya merupakan suatu kecelaruan dalam menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengeja. Ia bukan sahaja berlaku di peringkat kanak-kanak, malah di peringkat menengah. Sekiranya tidak diberi rawatan awal, ia mampu memberi kehidupan yang tidak sempurna pada peringkat dewasa kelak. Masalah ini juga boleh memberikan tekanan perasaan yang tidak kurang hebat kepada penghidapnya. Masyarakat sekeliling akan mentertawakan dek tidak tahu membaca di usia yang sepatutnya. Mereka akan dicop lembam dan ini sememangnya memberi kesan kepada kehidupan seseorang penghidap disleksia. Setiap orang berhak mendapatkan keistimewaan dari segi pendidikan dan kehidupan. Oleh itu, pihak berwajib perlu mengambil langkah drastik bagi merawat masalah ini. Tanggapan mengatakan golongan ini tidak dapat diubahi haruslah di tempis sama sekali. Semua pihak harus berganding bahu bagi menyelesaikan masalah ini.

## RUJUKAN

- Akhbar Sinar Harian. Dirujuk pada 28 September 2015, dari <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/lebih-600-000-alami-disleksia-1.360521>
- Drake, C. (1989). The terminology trap. Dlm R. E. Cocen, J. C. Needly (pnyt) Learning disability law. New York: Committee on Juvenil Justice, Dyslexia and other Language Disabilities of the Appellate Division of the Supreme Court of the State of New York.
- Jean Piaget (1896). Dirujuk pada 22 September 2015, dari <http://psychology.about.com/od/profileofmajorthinkers/p/piaget.htm>.
- L. Liliana, C. Dora & G. Eleni (2011). Identifying the training needs of EFL teachers in teaching children with dyslexia. Diambil daripada <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042811002928>.
- Liyana, Nurul Fatimah & Khuzaiton (2013). Persepsi dan pengalaman guru pendidikan khas dalam menghadapi permasalahan disleksia dalam kemahiran literasi. Diambil daripada <http://umkeprints.umk.edu.my/2328/1/Conference%20Paper%201.pdf>.
- Mercer, C. D. (1997). Students with learning disabilities. U.S.A: Merrille, Prentice Hall.
- Online Medical Dictionary. Dirujuk pada 22 September 2015, dari <http://www.online-medical-dictionary.org/definitions-d/dyslexia.html>.
- Rohaty & Shafie (2005). Simptom disleksia kanak-kanak prasekolah. Jurnal Pendidikan, 30, 3-19. Diambil daripada <http://www.google.com.my/#q=Simptom+Disleksia+Kanak+kanak+Prasekolah>
- Schneider, E., & Crombie, M. (2003). Dyslexia and foreign language learning. London. David Fulton Publishers.
- Soeisniwati (2012). Disleksia berpengaruh pada kemampuan membaca dan menulis. Jurnal Stie Semarang, 4 (3), 9-17. Diambil daripada <http://www.jurnal.stiesemarang.ac.id/index.php/JSS/article/view/50/43>.
- Zaliza, Mahfuzah & Ahmad Hifzurrahman (2014). Disleksia dalam aspek ejaan bacaan bahasa Melayu. Diambil daripada [http://www.pasir.upm.edu.my/10266/1/FBMK\\_2003\\_12\\_A.pdf](http://www.pasir.upm.edu.my/10266/1/FBMK_2003_12_A.pdf).